



TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI MOHD
SHAHABUDDIN BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERTANDINGAN
MENCIPTA VIDEO PENDEK
SEMPENA SAMBUTAN MINGGU INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK
TAHUN 2020**

**DI
AUDITORIUM MINI, INTAN KAMPUS WILAYAH
SARAWAK**

**PADA
23 OKTOBER 2020 (JUMAAT)**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Ibu Pertiwiku,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Amar Jaul Samion

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Yang Berusaha Tuan Mohamad Anuardi bin Hajani

Pengarah Wilayah

INTAN Kampus Wilayah Sarawak

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Para peserta pertandingan,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Amar Jaul Samion kerana turut sama hadir ke Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Mencipta Video Pendek. Kehadiran Yang Berhormat Datuk Amar ke Majlis hari ini amatlah dihargai. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Sarawak di atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Mencipta Video Pendek bertemakan Kebiasaan Baharu Penyampaian Perkhidmatan. Program tersebut merupakan salah satu aktiviti bersempena dengan Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak 2020.

2. Program seumpama ini sangat signifikan dalam memainkan peranan untuk membudayakan norma baharu dengan memperkenalkan inovasi perkhidmatan terbaharu yang ditawarkan oleh jentera

Kerajaan yang terdiri daripada Agensi dan Jabatan Persekutuan mahupun Negeri. Saya menyifatkan pertandingan ini bertujuan menyemarakkan usaha dan budaya dalam kalangan perkhidmatan awam khususnya di Bumi Kenyalang bertuah ini ke arah kecemerlangan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada INTAN Kampus Wilayah Sarawak di atas pelaksanaan pertandingan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Amar, Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Saya dimaklumkan Pertandingan Mencipta Video Pendek ini telah bermula pada 14 September 2020 yang lalu dan menerima penyertaan sebanyak 9 kumpulan dari 8 buah jabatan Persekutuan dan Negeri. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan saya agar program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan menjadi wadah ke arah penyampaian perkhidmatan

yang berinovasi dan berdaya saing selari dengan kebiasaan baharu. Saya percaya bahawa sepanjang tempoh penularan pandemik Covid-19 yang melanda negara kita, beberapa inisiatif telah diperkenalkan dalam memastikan keselamatan diri sentiasa diutamakan. Antaranya penggunaan aplikasi MySejahtera di mana aplikasi tersebut membantu pihak berkuasa bagi tujuan pengesanan kontak rapat serta sejarah pergerakan rakyat.

4. Kerajaan juga komited dalam memperkenalkan dasar baharu bagi pendigitalan sektor awam termasuk membina kepimpinan jabatan yang menyokong inisiatif pendigitalan, meningkatkan kemahiran digital modal insan sektor awam dan pembudayaan dalam organisasi. Kedudukan Malaysia di tangga ke-47 berdasarkan Indeks Pembangunan e-Kerajaan (E-GDI) pada tahun 2020 merupakan bukti akan keupayaan dan komitmen Kerajaan dalam usaha

pendigitalan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan yang merangkumi pengenalpastian keperluan dan memperkemas semula perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

5. Di kesempatan ini, saya menyeru agar semua penjawat awam khususnya di negeri Sarawak yang tercinta untuk bersedia berubah selari dengan keperluan perkembangan semasa dan membudayakan amalan norma baharu. Hal ini bagi memastikan usaha pendigitalan sektor awam ini berjaya supaya sinergi dan momentum pendigitalan mencapai sasaran yang ditetapkan. Kerajaan menyasarkan keseluruhan perkhidmatan awam pada tahun 2020 adalah sebanyak 40 peratus bagi perkhidmatan *End-to End* (E2E) berbanding 20.2 peratus pada tahun 2019.

Yang Berhormat Datuk Amar, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Amalan penciptaan nilai atau *value-creation* perlu menjadi asas daya usaha dalam kalangan penjawat awam ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang berinovasi dan kreatif. Kesediaan (*willingness*) ini dilihat dari usaha untuk sentiasa mencipta produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah baharu untuk para pengguna khususnya bagi memperkemaskan penyampaian kepada rakyat agar lebih berkesan dan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Sebagai contoh rakyat kini tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan daripada mana-mana jabatan dengan adanya sistem atas talian yang diperkenalkan. Malah perubahan teknologi juga memudahkan rakyat untuk memesan ubat-ubatan atau menempah temujanji perubatan melalui sistem atas talian. Semua penjaan inovasi, sama ada produk atau penyampaian perkhidmatan, seharusnya memberi nilai tambah dan mengurangkan atau menghapuskan kelewatan bagi mendapatkan produk atau perkhidmatan

yang ditawarkan. Inovasi membantu memudahkan rakyat, *innovation help to facilitates and not frustrates the masses.*

7. Justeru, di dalam membudayakan amalan tersebut, setiap jabatan perlu melakukan perubahan dan pembaharuan selaras dengan fasa revolusi perindustrian 4.0 atau 4th *Industrial Revolution* (I.R 4.0). Yang pastinya pembudayaan amalan-amalan baharu ini tidak akan dapat dilakukan di dalam masa sehari. Ia memerlukan tekad, komitmen dan usaha yang berterusan dari semua pihak daripada peringkat atasan mahupun kumpulan pelaksana.

8. Malah, dalam keadaan pandemik Covid 19, kita tidak terlepas untuk terpaksa membudayakan norma-norma baharu dalam kehidupan seperti memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dan menjaga penjarakan fizikal dalam pergaulan seharian. Kerap mencuci tangan

dengan air dan sabun (**wash**), memakai pelitup separuh muka di tempat awam atau jika bergejala (**wear**), dan amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan (**warn**). Peringatan itu termasuk elak bersalaman dan bersentuhan, amalkan etika batuk dan bersin, dapatkan rawatan segera jika bergejala, duduk di rumah serta elakkan amalan kunjung-mengunjung.

9. Turut diingatkan agar kita semua mengamalkan norma “**Elakkan 3S dan 3C**”, iaitu menjauhi kawasan yang sesak (crowded place), elakkan kawasan yang sempit (**confined space**) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (**close conversation**). Ingatlah juga kepada **S.O.P.** iaitu **S** ialah syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). **O** pula golongan orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi. Manakala **P** merujuk kepada penjarakan sosial perlu

diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya satu meter.

Yang Berhormat Datuk Amar, Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Perkhidmatan awam masa kini memerlukan pegawai yang inovatif dan berfikiran kreatif serta kritis dalam mencari penyelesaian yang terbaik serta mempunyai daya tahan (*resilience*) dan mampu berdikari. Oleh itu, tuan-tuan dan puan-puan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran semasa, bijak dalam mencari peluang bagi mendedahkan diri kepada perkara baharu serta agresif dalam mempelajari ilmu untuk meningkatkan kecemerlangan diri.

Yang Berhormat Datuk Amar, Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-

tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program “Pertandingan Mencipta Video Pendek” bersempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak 2020. Saya dengan ini sukacitanya merasmikan penutupan Pertandingan Mencipta Video Pendek pada pagi yang berbahagia ini. Semoga pencapaian-pencapaian yang diraih dalam pertandingan ini akan menjadi momen sejarah bagi para peserta dan juga jabatan yang bertanding. Kita komited untuk terus kreatif dan berinovatif.

Sekian, terima kasih.